



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JANGKITAN VIRUS DISYAKI PUNCA KEMATIAN IKAN KELAH MEREBAK, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	LARANG TANGKAP IKAN TEMELIAN SELAMA 3 BULAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	
3.	17 TAHUN MASIH TAK SELESAI, 7,000 PESAWAH DI KELANTAN DIBELENGGU KEMELUT AIR, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	LAIN-LAIN
4.	PESAWAH HARAP STESEN PAM KEMUBU MAMPU ATASI KEMELUT 17 TAHUN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	
5.	UNRELENTING HEAT THREATENS NORTHERN PADI HARVEST AS DAM LEVELS DROP, NATION, THE STAR, M/S – 5	
6.	SULTAN MAKES FIRM STAND AGAINST SWINE FARMING, NATIONAL, THE SUN, M/S – 2	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Jangkitan virus disyaki punca kematian ikan kelah merebak

Jabatan Perikanan Sabah kesan semakin banyak spesies ditemui mati sejak Ogos tahun lalu

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Jabatan Perikanan Sabah mengesan penularan jangkitan virus disyaki menjadi punca kematian ikan pelian atau kelah merebak hingga memabitkan 47 kampung meliputi sembilan daerah di seluruh negeri ini.

Setakat ini, jangkitan virus Koi Herpesvirus (KHV) dan Spring Viraemia of Carp Virus (SVCV) dikesan pada sampel yang diambil daripada bangkai ikan dan semakin banyak spesies ikan itu ditemui mati sejak Ogos tahun lalu hingga bulan ini.

Ikan pelian atau kelah di negeri ini, biasanya diuruskan menerusi sistem sungai tagal (sistem pengurusan dan pemuliharaan sungai tradisional di Sabah) dan kolam ternakan.

Walaupun kematian ikan bukan perkara baharu, situasi yang berlaku kini menyaksikan ia merebak ke beberapa sungai hingga mencetuskan trend membimbangkan.

Pengarah Jabatan Perikanan Sabah, Datin Dr Shuhadah Mustapha, berkata dua jenis virus berkenaan dikesan ke atas sam-



Penyelidik melakukan kajian ke atas sampel bangkai ikan kelah dari sungai yang terjejas.

(Foto ihsan Jabatan Perikanan Sabah)

pel ikan pelian berikutan aduan berkaitan kes kematian spesies itu dan semakin banyak dilaporkan.

Beliau berkata, pihaknya menerusi Unit Pengurusan Kesihatan Ikan (KI) mengesan tiga kes positif jangkitan virus KHV memabitkan Kampung Kaingaran di Tambunan serta Kampung Senagang dan Kampung Pangas Ulu di Keningau yang direkodkan pada Ogos tahun lalu.

Katanya, di Kampung Rantai, Keningau, jabatan itu mengesan jangkitan bakteria *aeromonas hydrophila* selepas pengesanan dibuat ke atas sampel pertama berdasarkan tanda klinikal pada ikan mati yang menunjukkan simptom berkaitan pada bulan sama.

“Semua sampel ikan itu dihantar untuk analisis makmal di Kompleks Perikanan Likas dengan anggaran keputusan analisis di-

peroleh dalam tempoh tiga hari.

“Secara keseluruhan, terdapat tiga keputusan positif KHV yang memabitkan 13 siri pensampelan. Pengesanan analisis selanjutnya melibatkan *sequencing* perlu dilakukan ke atas sampel positif KHV.

“Pemeriksaan dan pensampelan dilakukan di sungai tersebut (berdasarkan aduan diterima). Ketika pensampelan dijalankan (di lokasi terbabit) terdapat beberapa ekor ikan pelian didapati lemah dan hilang keseimbangan ketika berenang,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tuaran catat jumlah tertinggi

Daripada 47 kampung yang dikesan terabit dengan kejadian jangkitan virus pada ikan kelah itu, daerah Tuaran mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 15 kampung; diikuti Tambunan (14 kampung); masing-masing lima kampung di Keningau dan Penampang, selebihnya meliputi kes di Tenom, Sipitang, Sook, Ranau dan Telupid.

Dr Shuhadah berkata, insang ikan yang terkena jangkitan itu juga didapati mereput dan bahagian luaran abdomen mengalami pendarahan.

Beliau berkata, virus KHV tidak bersifat zoonotik dan setakat ini tiada kajian yang menunjukkan KHV boleh menjangkiti manusia.

“Namun, ikan yang telah mati dan membusuk akan penuh dengan bakteria pengurai yang boleh menyebabkan keracunan. Justeru itu, orang ramai dinasihatkan untuk memasak dengan sempurna ikan pelian sebelum dimakan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	12

Larang tangkap ikan temelian selama 3 bulan

Kuantan: Jabatan Perikanan Pahang mengeluarkan notis larangan tangkapan ikan temelian (probarbus jullieni) di semua sungai negeri ini selama tiga bulan bermula bulan ini.

Pengarahnya, Roslan Abu Hasan berkata, larangan berkenaan dikeluarkan berikutan musim ikan terbabit bertelur dan akan berada di kawasan air cetek secara berpasangan.

Katanya, temelian boleh mencapai berat 25 hingga 40 kilogram (kg) kini semakin berkurangan dan tidak mustahil menghadapi risiko kepupusan jika tangkapannya tidak dikawal terutama pada musim bertelur.

"Sifat ikan temelian akan ke kawasan lubuk dan air cetek untuk bertelur secara berpasangan memudahkan nelayan darat menangkapnya hanya menggunakan jaring hanyut.

"Kami memantau bebe-

rapa kawasan di Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai bagi memastikan tidak ada individu melakukan aktiviti menangkap ikan temelian selama tiga bulan.

"Kegiatan menangkap ikan temelian yang banyak terdapat di tiga sungai terbabit akan berleluasa setiap kali tiba musim bertelur, permintaan menggalakkan dengan harga antara RM50 hingga RM70 sekilogram merancakkan lagi aktiviti memburu ikan berkenaan," katanya dihubungi di sini, semalam.

Menurut Roslan, mengikut peraturan Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 Pahang, individu yang menangkap ikan temelian dalam tempoh larangan (Februari-April) boleh dikenakan kompaun hingga RM5,000 dan peralatan menangkap ikan mereka dirampas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	12



PESAWAH melihat kawasan rekahan tanah padi akibat masalah bekalan air yang tidak sampai menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian di bendang Machang Bubuk, Peringat, Kota Bharu.

7,000 PESAWAH DI KELANTAN DIBELENGGU KEMELUT AIR

17 tahun masih tak selesai

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Saban tahun lebih 7,000 pesawah di Kelantan dibelenggu isu sama berkaitan masalah bekalan air sejak 17 tahun lalu menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian.

Biarpun berdepan kerugian sehingga ada dalam kalangan pesawah terpaksa menjual harta benda termasuk barang kemas, mesin padi serta binatang ternakan, namun mereka tetap mengusahakan padi kerana mendakwa banya itu kemahiran yang dimiliki

dan menjadi sumber pendapatan.

Justeru, dengan beroperasi Stesen Pam Kemubu 4 sejak seminggu lalu, pesawah berharap kemelut air yang melanda sejak 17 tahun itu berjaya diatasi dan masalah sama tidak lagi berbangkit.

Pesawah, Mohd Faizl Ariffin, 44, yang mengusahakan lebih 44 hektar sawah itu berkata, dia mula mengusahakan sawah sejak 2009 dan kini sudah memasuki 17 tahun.

"Isu air dalam kalangan pesawah timbul sejak 2009. Sejak itu, jangan tanya soal untung untuk pesawah sebaliknya berapa banyak rugi setiap kali musim penana-

"Isu air dalam kalangan pesawah timbul sejak 2009. Sejak itu, jangan tanya soal untung untuk pesawah sebaliknya berapa banyak rugi setiap kali musim penanaman padi"

Mohd Faizl

man padi.

"Sebagai contoh setiap kali musim menanam padi, saya mengeluarkan modal lebih RM100,000, namun untuk mendapat modal pun susah jika masalah air ber-

laku kerana hasil padi akan menyusut. Boleh dikatakan kerugian saya alami sepanjang tempoh itu membabitkan jutaan ringgit.

"Namun, walaupun berdepan kerugian, selagi mana saya masih boleh tanam padi, saya akan usahakan. Orang mungkin tidak percaya bila kita kata kita rugi sebab orang lihat kita tetap mengusahakan seperti biasa. Jika kedai makan sekali rugi mungkin sudah tutup, tapi tidak untuk jiwa pesawah," katanya di Peringat, di sini.

Bapa kepada seorang anak itu berkata, kerugian paling teruk dialami sejak bergelar pesawah adalah pada 2024 dengan nilai ke-

rugian hampir RM500,000.

Katanya, disebabkan kerugian yang dialami juga menyebabkan dia kini dikategorikan muflis kerana tidak mampu membayar hutang bagi pembelian mesin padi.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuha Ismail berkata, sejak sebulan lalu Kelantan dilanda kemarau menyebabkan sebahagian sawah di negeri ini sudah merekah.

Katanya, penanaman padi musim pertama pada tahun ini dianggarkan berusia 15 hari hingga 60 hari dan dijangka proses menuai dapat dilakukan pada April depan.

Pesawah harap Stesen Pam Kemubu mampu atasi kemelut 17 tahun

Justeru, dengan beroperasi Stesen Pam Kemubu 4 sejak seminggu lalu, pesawah berharap kemelut air yang melanda sejak 17 tahun itu berjaya diatasi dan masalah sama tidak lagi berbangkit.

Pesawah, Mohd Faizl Ariffin, 44, yang mengusahakan lebih 44 hektar sawah itu berkata, dia mula mengusahakan sawah sejak 2009 dan kini sudah memasuki 17 tahun.

"Isu sama berlaku setiap tahun masalah air menyebabkan pesawah dibelenggu kerugian namun tetap gigih mengusahakan sawah biarpun masalah sama masih belum diatasi.

"Isu air di kalangan pesawah timbul sejak 2009. Sejak itu, jangan tanya soal untung untuk pesawah sebaliknya berapa banyak rugi setiap kali musim penanaman padi. "Sebagai contoh setiap kali musim menanam padi, saya mengeluarkan modal lebih RM100,000 namun untuk mendapat modal pun susah jika masalah air berlaku kerana hasil padi akan menyusut. Boleh dikatakan kerugian saya alami sepanjang tempoh itu membabitkan jutaan ringgit.

"Namun, walaupun berdepan

Lebih 7,000 petani di Kelantan kerugian setiap tahun berdepan isu kekurangan bekalan air

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Saban tahun, lebih 7,000 pesawah di Kelantan dibelenggu isu sama berkaitan masalah bekalan air sejak 17 tahun lalu menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian.

Biarpun berdepan kerugian sehingga ada dalam kalangan pesawah terpaksa menjual harta benda termasuk barang kemas, mesin padi serta binatang ternakan, namun mereka tetap mengusahakan padi kerana mendakwa hanya itu kemahiran yang dimiliki dan menjadi sumber pendapatan.



Zulha (kiri) menunjukkan rekahan tanah akibat masalah bekalan air di Bendang Machang Bubuk, Peringat. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

kerugian, selagi mana saya masih boleh tanam padi, saya akan usahakan. Orang mungkin tidak percaya bila kita kata kita rugi sebab orang lihat kita tetap mengusahakan seperti biasa. Jika ke-
dal makan sekali rugi mungkin sudah tutup, tapi tidak untuk jiwa pesawah," katanya ketika ditemui di Peringat di sini.

Katanya, kerugian paling teruk pada 2024 dengan nilai kerugian hampir RM500,000.

Stesen Pam Kemubu 4, ia mampu menyelesaikan masalah dalam pesawah sejak sekian lama. Ini kerana air adalah nadi utama untuk penanaman padi dan ia menjadi faktor kepada untung atau rugi setiap kali musim penanaman," katanya.

Pengerusi Persatuan Pesawah Kelantan (PESAK), Zuhra Ismail, berkata sejak sebulan lalu Kelantan dilanda kemarau menyebabkan sebahagian sawah di negeri ini sudah merekah.

Katanya, penanaman padi musim pertama pada tahun ini dianggarkan berusia 15 hari hingga 60 hari dan dijangka proses menuai dapat dilakukan pada April ini.

"Kawasan yang paling terkesan masalah air adalah Pasir Putih, Kota Bharu Utara dan Kota Bharu Selatan. Kita dimaklumkan sejak seminggu lalu Stesen Pam Kemubu 4 sudah mula beroperasi dan berusaha untuk alirkan air ke sawah.

"Justeru, kita berharap isu yang sama tidak berlaku tahun ini dan semua pesawah dapat melihat air mengalir di sawah masing-masing," katanya.

Kerugian hingga muflis

Katanya, disebabkan kerugian dialami juga menyebabkan dia kini dikategorikan muflis kerana tidak mampu membayar hutang bagi pembelian mesin padi.

"Tahun 2024 detik paling gelap apabila semua barang kemas isteri terpaksa dijual selain mesin padi dan sebuah lori terpaksa dipaskan.

"Justeru, besar harapan saya pada tahun ini dengan adanya

Unrelenting heat threatens northern padi harvest as dam levels drop

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Muhammad Rafirdaus Abu Bakar looked at his padi fields with a frown. The stalks stood tall – not a good sign for the harvest.

A good harvest would have seen the stalks bending over under the weight of the grains.

The heatwave across Kedah and Perlis is straining padi farmers, who are pressing on with field work, although they are certain the yields will fall with the heat.

Dry conditions will produce brittle, lighter grains due to insufficient water, directly cutting harvest volume and income, said the 50-year-old Muhammad Rafirdaus Abu Bakar.

"Our yield is reduced again during grading. Imported rice is

now cheaper, so local padi has become less competitive."

He added that grading deductions had risen to 24% from 20% previously, which pushed up costs per tonne, even as quality dropped because of the weather.

The current planting cycle is expected to end by late February, with the first 2026 planting season likely to begin in April or early May.

Farmers in Perlis face similar pressure.

Khairil Anuar Safar, 54, said the coming harvest would be weaker as the heat had reduced yields.

He said the weather could not be controlled and hoped the federal government would step in with support ahead of Ramadan and Hari Raya in March and April.

Based on the PublicInfoBanjir

portal, water at Perlis' Timah Tasoh Dam stood at 27.81m on Feb 9, just below its maximum of 29.10m, with storage at about 62.04%.

But Kedah's dams are getting lower.

The Muda Agricultural Development Authority (Mada) said it was monitoring dam levels and weather conditions to ensure sufficient water for agriculture, domestic and industrial use.

As of Feb 5, storage at Mada-managed dams stood at 45.90% at Pedu, 40.20% at Muda and 59.61% at Ahning, bringing overall storage to 47.81%, down from 73.74% in 2025.

For the first padi season expected in April, Pedu Dam storage was projected to recover to about 53.2% with support from monsoon transition rains.

Farmers Organisation Authority (LPP) chairman Datuk Mahfuz Omar said field teams from LPP, farmers' organisations and state agriculture departments are monitoring conditions and compiling data to provide assistance using disaster funds.

He said the aid might not cover all losses but could ease the burden on farmers and help them prepare for the next planting season.

Mahfuz urged farmers to enrol in the Padi Planting Takaful Scheme, which provides compensation if crops are affected by disasters.

Weather experts have said the scorching heat in the north may not see any respite until April, while parts of Johor are continuing to battle peat fires.

In GEORGE TOWN, Penang

Water Supply Corporation urged consumers to use water prudently following the prolonged dry spell.

Chief executive officer Datuk K. Pathmanathan said the utility had implemented a two-dam strategy on the island and pumped an average of 407 million litres a day of treated water from the Sungai Dua plant in January to stabilise supply.

He said minimum releases from the island's dams were reduced from Jan 1 to preserve storage, while controlled releases from the expanded Mengkuang Dam were carried out when river levels fell and abstraction from Sungai Muda was slightly reduced.

As of yesterday, effective capacity stood at 87.06% at Air Itam Dam, 94.1% at Teluk Bahang Dam and 89.0% at the expanded Mengkuang Dam.

Sultan makes firm stand against swine farming

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah has made a firm stand against pig farming in the state, declaring that he does not consent to its operation in any district.

In a statement from the Selangor Royal Office, His Royal Highness warned that pig farming poses serious environmental risks, including foul odours and river contamination from pig waste.

He proposed that the government consider issuing licences for pork importation to meet the needs of non-Muslims, particularly the Chinese community.

"This approach would not only resolve the long-standing pig farming issue but also enable the state government to optimise land use for development, housing and other productive purposes," the statement said.

He added that large-scale and small-scale pig farms are unsuitable for Selangor, citing limited land resources and high property values that would be better used for ventures benefiting the wider community.

➤ **Ruler proposes govt consider issuing licences for pork importation to meet needs of non-Muslims**

The statement comes after Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim on Jan 23 urged the Selangor government to cancel the proposed large-scale pig farming project in Bukit Tagar, Hulu Selangor.

The matter was also discussed during a meeting between Anwar and Sultan Sharafuddin on Sunday.

In his Monday address, Anwar reiterated his stance, saying pig farming should not proceed in areas in which it is opposed by local residents or locations likely to spark public controversy.

Sultan Sharafuddin said the Bukit Tagar project, located within a Malay settlement and Felda area, could raise issues among the local community.

"Even if air and water pollution could be managed through modern farming methods, such methods require significant investment and are unlikely to be financially viable for operators supplying pork solely to Selangor."

"There is also no guarantee that modern farming would not pollute rivers and water catchments serving

the Klang Valley population."

He said the pig farming issue should be paused and considered resolved, while noting it has implications for public peace and harmony.

All parties have been urged to respect Sultan Sharafuddin's decree and work together to maintain unity within the state.

Following Anwar's advice, the Selangor government recently scrapped plans to centralise the state's pig farming industry in Bukit Tagar.

Reports indicate that the state is actively phasing out pig farms, with just over 30 remaining in Tanjung Sepat, Kuala Langat, down from 115. Pig farming in Malaysia has

historically posed significant public health concerns.

The country experienced a major Nipah virus outbreak between 1998 and 1999, a zoonotic disease transmitted from pigs to humans.

The outbreak affected about 265 people, resulted in dozens of deaths and prompted the culling of over a million pigs to contain the spread.

The virus, which can cause severe neurological and respiratory illness, had a mortality rate of roughly 40%.

No new human cases have been reported and Malaysia was officially declared free of Nipah virus in 2001.

Recently, the Veterinary Services Department approved the import of pork from Thailand and Brazil to help meet local demand.